

Tatacara Permohonan Bagi Southeast Asian Waste Hero Awards

Sukacita memaklumkan bahawa pihak Pusat Serantau *SEAMEO for Sufficiency Economy Philosophy for Sustainability* (SEAMEO SEPS) dan *Indorama Ventures PCL* (IVL), dengan kerjasama Pejabat Serantau Pelbagai Sektor UNESCO di Bangkok, *Yunus Thailand Foundation, Southeast Asia One Health University Network*, Sekretariat SEAMEO, SEAMEO SEAMOLEC, SEAMEO RECSAM dan SEAMEO TED akan menganjurkan pertandingan anugerah Southeast Asian Waste Hero.

Sehubungan itu, pihak pengajur menjemput para peserta untuk mengongsikan idea dan amalan terbaik melalui video atau lukisan mengenai Pengurusan Sisa untuk menambah baik alam sekitar kita. Adapun, pertandingan anugerah tersebut adalah terbuka kepada tiga kategori, seperti berikut:

1.	Kategori Sekolah (kerajaan dan swasta, dan sehingga peringkat teknikal dan vokasional) di Asia Tenggara.	Mengemukakan <i>success story</i> program atau aktiviti sekolah mengenai Pengurusan Sisa melalui video (5 minit).
2.	Kategori Guru (kerajaan dan swasta, dan sehingga peringkat teknikal dan vokasional) di Asia Tenggara.	Mengemukakan <i>success story</i> aktiviti bilik darjah yang inovatif mengenai Pengurusan Sisa melalui video (3 minit).
3.	Kategori Pelajar: <ul style="list-style-type: none">• Pelajar di Tahun 4-6 (individu) untuk mengemukakan lukisan tangan; dan,• Pelajar di Tahun 9-11 (sekumpulan 3-6 pelajar) untuk mengemukakan video (3 minit).	Menyampaikan idea dan penyelesaian untuk mengurangkan sisa dan menambah baik alam sekitar sekolah dan/atau komuniti.

...2/

Peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan anugerah tersebut hendaklah menghadapkan entri video atau lukisan **selewat-lewatnya pada 10 Oktober 2023**.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah merujuk laman sesawang berkenaan di <https://www.seameo-seps.org/sea-waste-hero-awards>. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi pihak pengajur melalui alamat e-mel wastehero@seameoseps.org.